

Mahathir: Kita mahu sebuah kerajaan jujur di Kelantan

10 MAC 1978

KOTA BAHRU, Khamis. — Timbalan Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir-Mohammad menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja pemimpin Umno yang didapati curang, rasuah dan gagal melaksanakan amanah rakyat.

Barisan Nasional mahu mendirikan sebuah Kerajaan yang jujur dan yang boleh berkhidmat sepenuhnya kepada rakyat dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk kecurangan, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap di dalam majlis ceramah di Sekolah Kebangsaan Kampung Banggol dekat sini malam tadi sebagai membantu kempen calon Barisan Nasional, Encik Mohamad bin Hussin yang bertanding untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Semut Api dalam pilihanraya Sabtu ini.

Selain dari Encik Mohamad tiga orang calon lain turut bertanding merebut kerusi kawasan yang mempunyai 9,770 orang pengundi. Mereka ialah Wan Mat bin Wan Yusoff dari Pas, Encik Nik Mat bin Nik Din dari Berjasa dan Encik Sapeia bin Nik Yusof, Bebas.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan dengan adanya hasrat seumpama itu rakyat Kelantan akan mendapat pimpinan yang jujur sekiranya Barisan Nasional memenangi pilihanraya tersebut.

Beliau juga menegaskan, bahawa Barisan Nasional, khususnya Umno bukanlah sebuah parti yang tamak lantaran itu ia sanggup bekerjasama dengan parti berjasa lalu membentuk sebuah Kerajaan campuran sekiranya memenangi pilihanraya itu.

Katanya, apa yang lebih penting dari kekuasaan ialah menjamin perpaduan orang-orang Melayu dan umat Islam serta keteguhan agama, bangsa dan negara.

Beliau juga berkata, adalah tidak logik bagi Pas yang kini sudah menjadi sebuah parti pembangkang dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat sekiranya

Pas dapat mengekalkan pemerintahannya di Kelantan.

Ini ialah kerana semasa berada dalam Barisan Nasional dulu Pas gagal memberikan kerjasama sepenuhnya tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga berkata, Umno tidak perlu mempunyai ideologi seperti parti-parti politik lain, kerana ia ingin berkhidmat kepada rakyat dan negara dengan jujur dan berkesan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengecam pemimpin-pemimpin Pas yang menyebut Umno tidak mempunyai ideologi dalam perjuangannya, sedangkan Pas menurut dakwaan pemimpin-pemimpinnya berideologikan Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Islam adalah agama dan bukan satu ideologi, bagaimana hendak disamakan Islam dengan ideologi.

"Di Russia tidak mempunyai agama, maka komunis adalah ideologi mereka, adakah kita hendak samakan Islam dengan komunis," ujarnya.

"Kita tidak perlu ideologi, cumba mahu berkhidmat kepada rakyat dan ne-

gara dengan jujur dan berkesan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Bn khususnya Umno bukan tamakkan kuasa, tetapi kita cuma mahu kuasa untuk berkhidmat kepada rakyat.

Beliau menafikan dakwaan pemimpin-pemimpin Pas kononnya Umno berhasrat sangat untuk berkuasa di Kelantan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Sekiranya kita benar-benar ingin dapatkan kuasa di Kelantan ini, kita boleh mengadakan pilihanraya lebih awal iaitu semasa berlakunya rusuhan."

"Tetapi," tambahnya, "Kerajaan Bn sentiasa menghormati dan mengagakkan sistem demokrasi dengan memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat memilih bentuk Kerajaan yang mereka kehendaki."

Beliau menjelaskan, penubuhan Kerajaan Mageran di Kelantan untuk memberi kesempatan kepada rakyat negeri ini memikirkan semula berbagai aspek kehidupan dan kemajuan serta buruk baiknya pergelakan yang lalu.

"Setelah keadaan didapati tenang, kita mengadakan pilihanraya ini untuk orang-orang Kelantan memilih sendiri Kerajaan yang mereka suka," ujarnya.